

Bayaran Balik Pendidikan Tinggi: Antara Tanggungjawab Moral Peminjam dan Realiti Pasaran Buruh

Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim



Pengenalan

Pembiayaan pendidikan tinggi memainkan peranan penting dalam memastikan akses yang saksama ke institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)¹ di bawah Akta Pendidikan 1996², telah ditubuhkan pada tahun 1997 sebagai langkah untuk meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi. Tindakan kerajaan terhadap perkara ini merupakan satu perkembangan terpenting dalam sejarah liberalisasi pendidikan tinggi negara, pada masa yang sama memberi peluang sama rata dan memastikan lebih ramai pelajar dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti tempatan, terutama selepas Krisis Kewangan Asia 1997.

Views adalah rencana yang diterbitkan bagi menggalakkan perbincangan dan pertukaran pandangan tentang isu-isu semasa. Rencana ini adalah merupakan pendapat penulis dan tidak semestinya mewakili pendirian rasmi KRI.

Rencana ini disediakan oleh Dr Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim, penyelidik dan pelatih penyelidik dari Khazanah Research Institute (KRI). Penulis berterima kasih atas maklum balas dan komen daripada Hafiz Hafizi Suhaimi. Penulis juga berterima kasih kepada Muhammad Iqbal Khairuddin, pelatih penyelidik di KRI, atas bantuan yang diberikan dalam penyediaan artikel ini.

E-mel penulis:

Amirul.Rahim@Krinstitute.Org

Atribusi – Sila rujuk karya ini seperti berikut: Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim. 2024. Bayaran Balik Pendidikan Tinggi: Antara Tanggungjawab Moral Peminjam dan Realiti Pasaran. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute. License: Creative Commons Attribution CC BY 3.0.

Maklumat tentang kajian Khazanah Research Institute dan penerbitan dalam bentuk digital boleh didapati di www.KRIInstitute.org.

Cover photo from [vecteezy](https://www.vecteezy.com/)

¹ GOM (2013)


² GOM (2012)

Sejak itu, institusi pendidikan tinggi swasta telah berkembang pesat, dengan peningkatan daripada 140 institusi pada tahun 1990 kepada 616 pada tahun 2000. Peningkatan ini juga seiring dengan pertumbuhan ketara dalam jumlah pendaftaran pelajar di institusi pengajian tinggi swasta, di mana enrolmen pelajar meningkat daripada 125,000 pada tahun 1990 kepada lebih 1.2 juta pada tahun 2020. Pertumbuhan ini turut didorong oleh kos pendidikan luar negara yang semakin meningkat akibat penurunan nilai mata wang sejak Krisis Kewangan Asia 1997³.

Konsep pembiayaan kewangan (*financialization*), yang menekankan integrasi kewangan dalam kehidupan harian, memberikan gambaran tentang interaksi antara dasar gaji dan pembiayaan pendidikan tinggi. Seperti isu pelan persaraan dan pinjaman perumahan, terutamanya bagi isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana, isu pembiayaan pendidikan tinggi juga membawa cabaran tersendiri dalam pengurusan kewangan dan pembiayaan kewangan yang kompleks. Isu ini juga selari dengan pandangan Shiller (2013) yang menekankan peranan pembiayaan kewangan dalam masyarakat, serta implikasi yang lebih besar seperti peningkatan hutang isi rumah akibat pinjaman pendidikan. Jika isu ini tidak ditangani dengan berhati-hati, beban hutang pendidikan berpotensi menjadi cabaran masyarakat yang lebih serius.

Hutang yang pada asalnya bertujuan untuk memperkasakan graduan kini sering kali menjadi beban kewangan yang tidak dijangka. Implikasi ini melangkaui kewangan individu, berpotensi menambah beban hutang keseluruhan masyarakat. Hasil kemakmuran masa depan melalui pendidikan tinggi mungkin secara tidak sengaja menyumbang kepada kitaran beban kewangan yang berterusan. Kajian oleh AKPK pada tahun 2018 mendapati hampir satu perlima daripada pekerja menghadapi kesukaran untuk menabung, dengan komitmen hutang tinggi menjadi alasan ketiga paling umum. Bagi individu berumur 20 hingga 29 tahun, pinjaman pendidikan menjadi komponen kedua tertinggi dalam komitmen hutang mereka (Rajah 1). Walaupun komponen hutang pendidikan beransur-ansur berkurangan dalam kalangan individu yang lebih berusia, hubungan dinamik antara hutang pendidikan, aspirasi, dan tanggungjawab kewangan ketika muda kekal kritikal dan boleh memburukkan cabaran kewangan apabila mereka melalui pelbagai peringkat kehidupan.

Rajah 1: Kedudukan keberatan pemilihan pinjaman pekerja dewasa Malaysia, mengikut kumpulan umur, 2018



Sumber: Disesuaikan daripada AKPK (2018)

³ Hawati Abdul Hamid (2022)

Pengumuman terkini oleh PTPTN yang akan mengambil tindakan undang-undang terhadap 430,000 peminjam yang masih berhutang sekitar RM6 bilion telah menarik perhatian ramai⁴. Peminjam yang gagal membuat bayaran balik dianggap tidak bertanggungjawab, namun, persoalannya apakah isu sebenar yang menyebabkan mereka gagal membuat pembayaran balik pinjaman? Walaupun membayar balik pinjaman pendidikan adalah tanggungjawab moral peminjam dan penting untuk memastikan kesinambungan dan kelestarian PTPTN, kita perlu memahami cabaran yang mereka hadapi. Adakah ia berpunca daripada pendapatan yang rendah, kos sara hidup yang meningkat, atau keadaan ekonomi yang tidak menentu? Menjawab soalan ini adalah penting untuk kita memahami isu-isu di sebalik kegagalan peminjam membayar secara konsisten bagi memastikan polisi yang dirangka lebih berkesan dan adil.

Landskap Pasaran Buruh Graduan

Kini, sekitar 80% graduan di universiti tempatan berasal daripada keluarga B40, dan 40% daripada pelajar ini bergantung kepada pinjaman PTPTN. Lebih separuh daripada peminjam PTPTN juga terdiri daripada isi rumah B40, menunjukkan betapa pentingnya PTPTN dalam memberi peluang pendidikan tinggi kepada pelajar daripada latar belakang berpendapatan rendah⁵. Walaupun peranan PTPTN jelas dapat mengurangkan beban kewangan pelajar, terutamanya daripada keluarga berpendapatan rendah, PTPTN juga membawa risiko bebanan hutang selepas tamat pengajian. Bagi graduan daripada keluarga berpendapatan tinggi, PTPTN merupakan alat kewangan tambahan, tetapi bagi pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah, terutamanya golongan B40, inisiatif ini merupakan instrumen terpenting untuk melanjutkan pelajaran. Cabaran sebenar bagi graduan B40 ini muncul selepas mereka tamat pengajian, apabila mereka perlu membayar balik hutang pendidikan dalam keadaan pendapatan yang rendah dan peluang pekerjaan yang terhad.

Landskap kebolehpasaran graduan dan pendapatan yang diterima memerlukan perhatian yang lebih mendalam. Walaupun terdapat korelasi antara tahap kelayakan dan pendapatan graduan, pelbagai faktor seperti bidang pengajian, permintaan industri, perbezaan wilayah, dan perubahan trend pasaran menyumbang kepada kerumitan dalam pendapatan yang diterima. Lebih membimbangkan, isu pekerjaan di bawah kelayakan (*underemployment*) di mana individu memegang pekerjaan di bawah kelayakan yang dimiliki, menambahkan lagi kerumitan situasi ini. Graduan yang terpaksa bekerja dalam sektor atau jawatan yang tidak sepadan dengan kemahiran mereka bukan sahaja menghadapi gaji yang rendah, tetapi juga berisiko kehilangan peluang perkembangan kerjaya masa hadapan yang lebih baik⁶.

Dapatan terkini KRI yang mengkaji perkembangan kerjaya graduan dalam kohort dekad terdahulu⁷ mendapati realiti pasaran kerja bagi graduan universiti di Malaysia kekal suram. Gaji permulaan graduan baharu hampir tidak berubah dalam dekad yang lalu. Pada tahun 2021, sebanyak 60% graduan baharu menerima gaji bawah RM2,000 bagi pekerjaan pertama mereka, berbanding 61% pada tahun 2010 (Rajah 2). Walaupun jumlah individu berpendidikan tinggi

⁴ Shamsul Kamal Amarudin (2024)


⁵ KRI (2024b)

⁶ KRI (2024a)

⁷ Ibid.

terus meningkat, pertumbuhan pekerjaan mahir tetap tidak berkembang sejak tahun 2002. Ini menjadikan isu terlebih kelayakan (*overqualification*) sebagai kebimbangan utama. Hal ini penting untuk diakui kerana mendapatkan pekerjaan yang berkualiti adalah langkah awal yang bakal mencorakkan perkembangan kerjaya graduan. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa memulakan kerjaya dengan status pekerjaan yang tidak memuaskan, di mana graduan bermula dengan pekerjaan di bawah kelayakan dan gaji permulaan yang rendah, akan memberi kesan negatif kepada laluan kerjaya graduan dalam jangka panjang, walaupun selepas lebih sedekad berada dalam pasaran pekerjaan.

Rajah 2: Gaji permulaan graduan yang mempunyai ijazah, 2010 dan 2021 (%)



Sumber: MOHE (n.d.) dan pengiraan KRI

Kajian yang sama turut mendapati bahawa satu pertiga daripada graduan berpengalaman terus kekal dalam situasi ketidaksepadanan kelayakan, manakala satu perempat lagi masih bergaji rendah sejak pekerjaan pertama mereka – akibat daripada memulakan kerjaya dengan pekerjaan di bawah kelayakan dan bergaji rendah. Malah, hampir separuh daripada graduan memperoleh pekerjaan yang tidak sepadan dengan kelayakan mereka walaupun telah lebih sedekad berada dalam pasaran buruh, dengan sebahagiannya mengalami penurunan status kepada pekerjaan yang tidak sepadan. Lebih membimbangkan, hampir satu perlima daripada graduan masih menerima gaji rendah di bawah RM2,000 walaupun setelah lebih sedekad berada dalam pasaran buruh. Ini menandakan cabaran besar yang perlu ditangani kerana ia mempengaruhi kemampuan graduan untuk menampung kos sara hidup pada masa hadapan.

Dalam konteks secara umum, pewujudan pekerjaan yang tidak setaraf dengan kelayakan graduan merupakan punca utama isu ini. Walaupun terdapat pertambahan jumlah pekerjaan dalam pasaran buruh, komposisi tahap kemahiran pekerjaan kekal tidak berubah dengan ketara, iaitu kira-kira 25% pekerjaan berkemahiran tinggi, 62% berkemahiran separa, dan 13% berkemahiran rendah⁸.

⁸ Ibid.

Meskipun pelbagai pelan pembangunan nasional telah dilaksanakan untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi, peratusannya tidak berkembang dari 2015 hingga 2022. Trend yang sama turut dilihat dalam pecahan jumlah pekerjaan mengikut tiga sektor ekonomi utama, iaitu sektor perkhidmatan, industri, dan pertanian, di mana sektor perkhidmatan terus mendominasi dengan 52%, diikuti industri (43%) dan pertanian (5%). Walaupun ada pertumbuhan dalam jumlah keseluruhan pekerjaan, kekurangan pekerjaan berkualiti dan berkemahiran tinggi menimbulkan cabaran bagi graduan yang sepatutnya memperoleh pekerjaan stabil pada gaji yang setimpal untuk melunaskan pinjaman mereka.

Kutipan pinjaman pendidikan tinggi perlu melangkaui pendekatan penguatkuasaan secara menghukum

Meskipun bayaran balik pinjaman pendidikan ini dianggap sebagai tanggungjawab moral peminjam dan penting untuk memastikan kesinambungan dana bagi generasi akan datang⁹, kerajaan juga mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menyediakan peluang pekerjaan yang berkualiti serta gaji yang bermaruah kepada graduan. Walaupun pelbagai inisiatif seperti diskaun dan penstrukturan semula bayaran telah diperkenalkan, hakikatnya ramai graduan masih bergelut untuk melunaskan hutang pinjaman pendidikan mereka. Ini menimbulkan persoalan tentang keberkesanan pasaran buruh dalam menyediakan pulangan yang setimpal bagi pelaburan pendidikan tinggi. Graduan sepatutnya mendapat pekerjaan yang stabil dan gaji yang mencukupi untuk membolehkan mereka membayar balik pinjaman.

Penguatkuasaan bersifat menghukum (*punitif*) boleh meningkatkan kesedaran peminjam untuk membayar pinjaman mereka, kerana terdapat individu yang sengaja mengelak membayar balik pinjaman walaupun berkemampuan. Namun, kesan penguatkuasaan secara punitif ini adalah terhad, kerana kebanyakan graduan tidak mempunyai kemampuan untuk membayar balik pinjaman mereka. Menyedari bahawa penguatkuasaan punitif sahaja tidak mencukupi dalam mengurangkan kadar peminjam ingkar bermakna alternatif lain yang lebih berkesan perlu dilaksanakan untuk mengani masalah ini.

Memahami siapa mereka

Justeru, penyelesaian masalah ini memerlukan pemahaman mendalam tentang punca peminjam terus ingkar. Bagi peminjam daripada latar belakang berpendapatan rendah, kesan hutang pelajar lebih ketara apabila terdapat jurang hasil bayaran balik berbanding berpendapatan tinggi. Malah, agak membimbangkan sejak penubuhannya pada tahun 1997, PTPTN yang telah memberi pinjaman kepada lebih 3.6 juta peminjam¹⁰ mempunyai kadar peminjam ingkar sebanyak hampir 10%¹¹.

Peminjam B40 bukan sahaja menanggung beban hutang yang tidak setara dengan pendapatan, tetapi juga menghadapi risiko ingkar yang jauh lebih tinggi. Malahan, peminjam daripada

⁹ Sebagaimana yang ditekankan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi dalam petikan yang sama oleh Shamsul Kamal Amarudin (2024)

¹⁰ Laporan Tahunan PTPTN 2021. Sumber: PTPTN (2023)

¹¹ Ia juga berada jauh lebih tinggi berbanding Kadar Pinjaman Tidak Berbayar di Malaysia, sebanyak 1.4% pada Ogos 2024. Sumber: CEIC (2024)

golongan ini merangkumi 97% daripada mereka yang gagal membayar balik hutang¹². Ini menunjukkan bahawa latar belakang sosioekonomi memainkan peranan penting dalam menentukan kebolehan mereka untuk melunaskan pinjaman, walaupun syarat pembayaran balik telah dilonggarkan serendah RM50 sebulan. Sebagai pemberi pinjaman, PTPTN perlu menggunakan maklumat profil peminjam bagi 430,000 individu yang gagal membayar balik ini bagi memahami mengapa golongan ini masih tidak mampu memenuhi kewajipan mereka.

Menggalakkan Simpanan Pendidikan Jangka Panjang

Salah satu cara jangka panjang yang boleh mengurangkan beban hutang graduan adalah dengan menggalakkan tabungan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). Ibu bapa (terutamanya dalam kalangan berpendapatan rendah) boleh mengumpul dana untuk tujuan pendidikan masa hadapan anak di platform yang kukuh dan menawarkan pulangan yang lebih baik berbanding simpanan biasa. Namun, langkah ini tidak semudah seperti meningkatkan kesedaran tentang kewujudan program ini. Ramai keluarga berpendapatan rendah menghadapi kesukaran menyimpan dana walaupun dengan jumlah yang kecil, kerana mereka terpaksa berhadapan dengan tekanan kewangan jangka pendek selain realiti simpanan yang rendah dalam kalangan rakyat Malaysia¹³.

Walaupun strategi ini merupakan strategi jangka panjang, rangka kerja SSPN sekurang-kurangnya boleh ditambah baik. Menjadikan tabungan sebagai pilihan yang berdaya maju untuk keluarga berpendapatan rendah berpotensi mengurangkan beban hutang pelajar kerana sebahagian kos belajar di universiti dapat ditanggung dengan simpanan terkumpul. Inisiatif seperti memberi subsidi meningkatkan pulangan akaun dan memadankan jumlah deposit ke dalam akaun memberi galakkan kepada keluarga berpendapatan rendah untuk menggunakan simpanan dana dalam perancangan pendidikan masa hadapan hadapan anak-anak mereka. Malah, kaedah ini terbukti menunjukkan bahawa simpanan memberi kesan positif yang signifikan terhadap keberhasilan pendidikan anak-anak. Morris (2010) mendapati bahawa tambahan sebanyak \$1,000 dalam simpanan mampu mengurangkan kemungkinan kanak-kanak tidak menerima pendidikan sebanyak 4% hingga 7%¹⁴.

Bayaran Balik Pinjaman Berdasarkan Pendapatan

Antara kaedah lain yang boleh dipertimbangkan untuk meningkatkan kadar bayaran balik pinjaman adalah dengan menawarkan pinjaman berdasarkan pendapatan (*Income Contingency Loan* - ICL). ICL mampu mengurangkan beban kewangan pinjaman pelajar kerana pembayaran balik hutang berdasarkan ambang pendapatan yang sesuai. Walau bagaimanapun, menetapkan ambang pendapatan yang adil amat penting dalam memastikan dasar ini mendapat sokongan sewajarnya. Kegagalan berbuat demikian akan membawa risiko bantahan tinggi daripada peminjam kerana meletakkan ambang bayaran balik yang terlalu rendah, seperti yang dicadangkan pada 2019¹⁵. Strategi ini adalah penting kerana hutang pendidikan merangkumi

¹² Wan Saiful Wan Jan (2020)

¹³ Separuh daripada rakyat Malaysia tidak dapat menyimpan sebanyak RM1,000 untuk kegunaan ketika kecemasan disebabkan kurangnya pemahaman mengenai perancangan kewangan. Sumber: FEN (2019)

¹⁴ Morris (2010)

¹⁵ Ramasamy (2018)

beban hutang kedua terbesar bagi golongan dewasa muda (Rajah 1). Kaedah ICL, sekiranya dilaksanakan dengan berhati-hati dengan peningkatan ambang pendapatan terhadap bayaran balik yang lebih kecil bagi setiap peringkat pendapatan, mampu memastikan bayaran balik yang konsisten dan tidak membebankan peminjam.

Sebagai contoh, Jadual 1 menunjukkan perbandingan dua pelan tindakan ICL antara yang dicadangkan di Malaysia pada 2019 dan di Australia. Berbanding cadangan di Malaysia, kaedah penetapan bayaran balik di Australia adalah lebih beransur-ansur mengikut banjaran pendapatan yang lebih kecil, memastikan beban pelajar lebih sesuai mengikut kemampuan mereka.

Bagi memastikan ICL ini berkesan, panduan kewangan lain seperti Belanjawanku, yang digunakan sebagai penanda aras anggaran kos sara hidup dan pendapatan rakyat, turut digunakan sebagai alat untuk menetapkan ambang pembayaran balik pinjaman¹⁶. Panduan ini sangat berguna dalam menetapkan kadar pembayaran yang sesuai dengan situasi kewangan mereka, memastikan graduan mempunyai taraf hidup yang baik tetapi masih mampu membayar balik pinjaman mereka secara berterusan dan konsisten, walaupun pada kadar yang minimum.

¹⁶ SWRC and EPF (2023)

Jadual 1: Perbandingan Potongan Gaji Berjadual (SSD) dengan rancangan ICL Australia

Malaysia			Australia		
Ambang Bayaran Balik (pendapatan sebulan, RM)	Kadar Bayaran Bulanan (%)	Jumlah Bayaran Bulanan (RM)	Ambang Bayaran Balik (pendapatan bulanan, AUD)	Kadar Bayaran Bulanan (%)	Jumlah Bayaran Bulanan (AUD)
Kurang dari RM2,000	N/A	N/A	Kurang dari AUD3,883	N/A	N/A
2,000 - 2,500	2.0%	RM40 - 49	3,883 - 4,483	1.0%	AUD39 – 45
			4,483 - 4,750	2.0	90 – 95
2,500 - 3,000	3.0	75 – 89	4,750 - 5,033	2.5	119 – 125
			5,033 - 5,342	3.0	151 – 160
3,000 - 4,000	5.0	150 – 199	5,342 - 5,658	3.5	187 – 198
			5,658 - 6,000	4.0	226 – 240
4,000 - 6,000	8.0	320 – 479	6,000 - 6,367	4.5	270 – 287
			6,367 - 6,742	5.0	318 – 337
6,000 - 8,000	10.0	600 – 799	6,742 - 7,150	5.5	371 – 393
			7,150 - 7,575	6.0	429 – 455
			7,575 - 8,033	6.5	492 – 522
			8,033 - 8,517	7.0	562 – 596
			8,517 - 9,025	7.5	639 – 677
Lebih RM8,000 15.0	15.0	Lebih dari 1,200	9,025 - 9,567	8.0	722 – 765
			9,567 - 10,133	8.5	813 – 861
			10,133 - 10,750	9.0	912 – 968
			10,750 - 11,392	9.5	1,021 - 1,082
			Lebih dari 11,392	10.0	Lebih dari 1,139

Nota:

1 Ambang pendapatan bulanan untuk Malaysia (2020): B40 (kurang dari RM4,851); M40 (RM4,850 ke RM10,959); T20 (lebih dari RM10,959)

2. Ambang pendapatan bulanan untuk Australia (2020): B40 (kurang dari AUD6,585); M40 (AUD6,585 ke AUD13,279); T20 (lebih dari AUD13,279)

Sumber: Petikan daripada Ooi Kok Hin, Khairil Ahmad, dan Nelleita Omar (2023) dan pengiraan KRI

Strategi lain

Strategi lain yang boleh dipertimbangkan termasuk meningkatkan kesedaran tentang pilihan pembayaran balik alternatif seperti kemudahan pembayaran melalui pengeluaran KWSP, potongan gaji tetap, serta penstrukturan semula pinjaman yang disediakan. Paling penting, mempermudah proses pembayaran balik perlu diutamakan untuk memupuk rasa tanggungjawab dalam kalangan peminjam untuk membayar balik pinjaman, walaupun serendah RM30 sebulan.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, keberkesanan strategi pembayaran balik PTPTN memerlukan pendekatan yang lebih holistik dan inklusif, melangkaui penguatkuasaan hukuman semata-mata. Langkah-langkah seperti penstrukturan semula pinjaman, pilihan pembayaran berasaskan pendapatan, serta kemudahan lain seperti pengeluaran KWSP dan potongan gaji perlu diperluaskan. Usaha meningkatkan kesedaran dan mempermudah proses pembayaran balik adalah penting untuk memupuk tanggungjawab peminjam, memastikan kelestarian dana, dan mengurangkan beban kewangan graduan dalam jangka masa panjang.

Sumber Rujukan

- AKPK. 2018. "Financial Behaviour and State of Financial Well-Being of Malaysian Working Adults: AKPK Financial Behaviour Survey 2018." Credit Counselling and Debt Management Agency.
- CEIC. 2024. "Malaysia Non Performing Loans Ratio." <https://www.ceicdata.com/en/indicator/malaysia/non-performing-loans-ratio>.
- FEN. 2019. "Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023." Kuala Lumpur: Financial Education Network. <https://fenetwork.my/wp-content/uploads/2020/07/National-Strategy-BM.pdf>.
- Fry, Richard. 2014. "Young Adults, Student Debt and Economic Well-Being." *Pew Research Center's Social & Demographic Trends Project* (blog). May 14, 2014. <https://www.pewresearch.org/social-trends/2014/05/14/young-adults-student-debt-and-economic-well-being/>.
- GOM. 2012. "Education Act 1996 (Act 550)." Government of Malaysia. <https://tcclaw.com.my/wp-content/uploads/2020/12/Education-Act-1996.pdf>.
- . 2013. "National Higher Education Fund Corporation Act 1997 (Act 566)." Government of Malaysia. <https://www.ptptn.gov.my/wp-content/uploads/2024/01/Akta-566-Akta-Perbadanan-Tabung-Pendidikan-Tinggi-Nasional-1997.pdf>.
- Hawati Abdul Hamid. 2022. "Malaysian Higher Education and Economic Growth: A Causality Analysis." Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute.
- KRI. 2024a. "Shifting Tides: Charting Career Progression of Malaysia's Skilled Talents." Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute.
- . 2024b. "The Financialization of Our Lives: Vales and Trade-Offs." Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute.
- Morris, Michael DS. 2010. "Education Savings Accounts, Parent Contributions, and Education Attainment." In *Maximum Simulated Likelihood Methods and Applications*, 165–98. Emerald Group Publishing Limited.
- PTPTN. 2023. "PTPTN Annual Report 2021." Annual Report. Kuala Lumpur: National Higher Education Fund Corporations.
- Shamsul Kamal Amarudin. 2024. "430,000 Peminjam Tidak Pernah Bayar Hutang PTPTN Berjumlah RM6 Bilion." *Utusan*, September 21, 2024. <https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/430000-peminjam-tidak-pernah-bayar-hutang-ptptn-berjumlah-rm6-bilion/>.
- Shiller, Robert J. 2013. *Finance and the Good Society*. Princeton: Princeton University Press. <https://doi.org/10.1515/9781400846177>.
- Wan Saiful Wan Jan. 2020. *Malaysia's Student Loan Company: Tackling the PTPTN Time Bomb*. ISEAS-Yusof Ishak Institute. <https://rb.gy/s9nxmr>.